

ANALISIS TIPOLOGI DAN MOTIF HIASAN REKAAN MAHKOTA ATAP MASJID SEBAGAI HIASAN SENI ISLAM DI MELAKA TENGAH

Nurfarrahhana Ismail

Institut Alam Dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Ros Mahwati Ahmad Zakaria

Institut Alam Dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Zuliskandar Ramli

Institut Alam Dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

Corresponding Author's Email: a.hanna.ismail@gmail.com

Article history:

Received : 7 Oktober 2022

Accepted : 10 November 2022

Published : 31 December 2022

ABSTRAK

Masjid merupakan sebuah institusi penting bagi perkembangan rohani dan kehidupan sosial masyarakat Islam. Pelbagai gaya dan reka bentuk masjid yang boleh dilihat khususnya di Melaka yang mempunyai masjid berbentuk sino-elektik atau juga dikenali sebagai masjid yang memiliki bumbung bertingkat dua dan bertingkat tiga. Reka bentuk masjid di Melaka mempunyai keunikan dari segi rekaan pada hiasan bumbung masjid iaitu dikenali sebagai mahkota atap masjid. Rekaan mahkota atap masjid ini mempunyai beberapa ciri penting yang menjadikan ia sebuah rekaan yang sangat unik dan menarik antaranya mempunyai bahagian asas yang berbentuk segi empat, berbentuk piramid, bertingkat dan mempunyai hiasan sudut. Namun kini jumlah penggunaan mahkota atap masjid di Melaka khususnya semakin berkurangan. Oleh itu, tujuan utama kertas ini adalah untuk klasifikasi tipologi dan ragam hias rekaan mahkota atap yang terdapat pada bumbung masjid di Melaka Tengah, Melaka agar ia dapat memberi kefahaman kepada masyarakat terhadap penggunaan hiasan seni Islam Tempatan. Penyelidikan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan menggunakan teknologi dron untuk menjalankan kerja dokumentasi bergambar rekaan mahkota atap masjid di sekitar Daerah Melaka Tengah. Sementara itu, pendekatan tipologi analisis digunakan untuk memperincikan dan membuat klasifikasi rekaan mahkota atap masjid ini. Hasil kajian yang diperolehi dapat melihat perbezaan tipologi bagi setiap rekaan mahkota atap masjid yang mempunyai pelbagai motif yang digunakan terhadap seni rekaan mahkota atap masjid yang bermotifkan seni Islam Tempatan.

Kata kunci: Masjid; Mahkota Atap; Melaka; Tipologi; Ragam Hias

TYPOLOGICAL ANALYSIS AND DECORATIVE MOTIFS OF ROOF CROWN AS A DECORATIVE ARTS ISLAMIC MOSQUE IN CENTRAL MALACCA, MALACCA

ABSTRACT

The mosque is an important institution for the spiritual development and social life of the Muslim community. Various styles and designs of mosques can be seen especially in the Malacca has eclectic sino-shaped mosque, also known as the roof of the mosque which has a two-story and three-story roofs. Design of the mosque's roof crown has several important features that make it a very unique and attractive design that has a basic rectangular, pyramid-shaped, stratified and corner-shaped design. However, the number of mosque roof crown in Melaka in particular has steadily decreased. Therefore, the main purpose of this paper is to classify the typology and decorative designs on the roof crown of the mosque in Melaka Tengah, Malacca so that it can provide an understanding to the public on the use of decorative Islamic art. This research is conducted using a qualitative method that involves library research and field research using drone technology to carry out documentary design work on mosque roof crowns around the Melaka Tengah. Meanwhile, a typological analysis approach was used to detail and classify the design of this mosque's roof crown. The results of the study found that the typology of the roof crown of a mosque roof has various motifs applied to the design of mosque roof crown that is based on local Islam art.

Keywords: Mosque, Roof Crown, Malacca, Typology, Ornament

PENGENALAN

Masjid merupakan satu binaan yang melambangkan seni bina Islam. Menurut pandangan Abdul Halim Nasir (1979), sebelum kedatangan Islam, seni bina terawal di Alam Melayu mempunyai pengaruhnya yang tersendiri. Kebanyakan masjid-masjid lama menggunakan bumbung yang berbentuk meru dan beratap tumpang atau juga dikenali sebagai bumbung som pecah empat. Beliau berpendapat lagi, bumbung ini sebenarnya mendapat pengaruh daripada kebudayaan Hindu Buddha yang sangat kuat pada abad ke-7M hingga ke-14M.

Manakala, menurut teori yang dibawa oleh Graaf (2004) dan Lombard (1996), Pengaruh daripada cina sangat kuat dalam binaan bumbung bertingkat pada masjid-masjid lama di Jawa kerana terdapat bentuk pagoda pada atapnya. Hal ini terbukti, apabila ramai pedagang-pedagang Cina yang dominan menetap di pantai Utara Jawa sambil menyebarkan ajaran Islam (Handinoto & Samuel Hartono, 2007). Boyd (1962) pula berpendapat, bahawa gaya dan reka bentuk bumbung meru dikatakan di ambil daripada seni bina yang dipraktikkan sewaktu zaman Dinasti Ming. Justeru itu hasil penghijrahan masyarakat Cina ke Asia Tenggara telah membawa bersama reka bentuk bumbung meru dan diubah mengikut kesesuaian.

Di Melaka, pembinaan masjid tradisional mempunyai nilai sejarah Islam yang sangat hebat di rantau ini pada abad ke -14M. Masjid di Melaka terkenal dan menjadi tarikan utama sebagai "Melakan Style" kerana mempunyai ciri penting dalam reka bentuknya yang berbentuk meru atau dikenali dengan bentuk atap tumpang, mempunyai hiasan sulur bayur dan mempunyai hiasan

mahkota pada puncak bumbung masjid. Selain dikenali sebagai atap tumpang, reka bentuk masjid yang terdapat di Melaka juga di sebut sebagai masjid berbumbung piramid (Mastor Surat, 2008).

Masjid-masjid tradisional yang terdapat di Melaka ini juga boleh di kategorikan kepada masjid yang berbentuk sino-elektik iaitu bentuk bumbung masjid yang dapat dilihat dalam dua jenis iaitu masjid yang memiliki bumbung yang bertingkat dua dan bertingkat tiga (Mastor Surat 2017). Kebanyakkannya masjid di Melaka mempunyai bumbung yang bertingkat dan berbentuk piramid. Masjid yang mempunyai gaya sino -elektik dapat dilihat pada masjid di Melaka iaitu Masjid Kampung Hulu, Tengkera dan Masjid kampung Keling. Masjid-masjid tua di Melaka kebanyakannya mempunyai corak dan hiasan cina yang dapat dilihat sangat ketara pada hujung-hujung atap dan hiasan pada puncak masjid iaitu mahkota atap yang mana juga boleh didapati di rumah ibadat masyarakat cina.

Bukan itu sahaja, kebanyakannya masjid yang mempunyai bumbung berbentuk piramid ini juga mempunyai menara yang menyerupai pagoda seperti yang terdapat pada masjid Kampung Keling (Ezrin Arbi 1971). Hal ini dipercaya bahawa pengaruh ini dibawa oleh Laksamana Cheng Ho dan Puteri Hang Li Po beserta orang-orangnya semasa mereka datang ke Melaka pada abad ke-15. Pertukangan China yang datang bersama mereka telah menyebarkan pengaruh seni bina ini ke Melaka (Jayaudin & Rauziatul Adibah Adnan 1991). Justeru, reka bentuk masjid di Melaka yang ada sekarang ini adalah berasaskan reka bentuk masjid di negara China.

Menurut sejarah pula, masjid di Melaka ini dibina oleh pedagang-pedagang yang terdiri daripada orang cina, Oleh itu, binaan masjid di Melaka mempunyai ragam hias yang berunsurkan hiasan seni bina cina. Terdapat beberapa motif dan ragam hias dalam seni bina cina antaranya terdiri daripada flora, fauna, geometri, kosmos, kaligrafi, peralatan dan watak manusia (Lim & Ismail 2001). Syaimak Ismail (2017) memetik petikan daripada Cai & Lu tentang ornamentasi merupakan sesuatu yang sangat penting dalam seni bina cina. Hiasan-hiasan yang terdapat dalam seni bina cina kebanyakannya digunakan bukan sahaja untuk perhiasan semata-mata malah perhiasan tersebut dikira sebahagian daripada pembinaan sebuah bangunan yang bersesuai dengan alam sekitar.

Masjid yang terdapat di Melaka dihiasi dengan ukiran-ukiran cina yang sangat menarik seperti di ruangan solat dan bahagian luar masjid (Ezrin Arbi 1971). Menurut Mastor Surat (2004), setiap perhiasan di bangunan berbeza-beza dari segi penggunaan bahan dan motif yang digunakan untuk menggambarkan latar belakang sejarah dan kawasan umum, namun ia masih mempunyai ciri yang sama seperti bahasa atau dialek kawasan yang memberikan bunyi yang berbeza tetapi masih membawa maksud yang sama. Menurut beliau lagi, ukiran patung dan simbolisme adalah permulaan kepada idea asal kepercayaan Buddha- Hindu, namun telah diterjemahkan ke dalam motif tempatan dengan menggunakan sumber alam dan alam sekitar serta binatang, dan ukiran manusia. Walaubagaimanapun selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu, motif haiwan dan bentuk figura telah dipinggirkan atau digunakan sedikit tetapi dengan tafsiran yang berbeza.

Pengaruh agama Buddha yang hadir sebelum kedatangan Islam masih melekat pada seni bina Islam dengan mengambil beberapa bahagian yang dianggap sebagai suci oleh penduduk setempat. Walaupun demikian, unsur-unsur Buddha ini kemudiannya ditafsirkan berdasarkan syariat Islam. Misalnya penggunaan bunga lotus atau teratai di dalam agama Buddha dianggap sebagai suci dan simbol kehidupan. Dalam ajaran Islam, penggunaan objek bernyawa atau benda yang hidup digunakan sebagai hiasan dilarang sama sekali.

Justeru, kesenian yang berunsurkan keislaman terus berkembang di Alam Melayu selaras dengan perkembangan tamadun Islam. Sesungguhnya seni dan agama adalah mempunyai hubungan yang rapat di antara satu sama lain. Kesenian yang diilhamkan dari jiwa keislaman telah

wujud dan berkembang dengan baiknya. Keadaan ini jelas dapat dilihat pada unsur-unsur seni yang lahir dalam masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam.

DAERAH MELAKA TENGAH




Peta 1. Peta Daerah Melaka Tengah.

Melalui laman web rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah (PDTMT), Melaka Tengah merupakan daerah yang paling maju dan mempunyai penduduk yang sangat padat kerana lokasinya terletak di tengah-tengah bandar. Daerah ini mempunyai keluasan secara keseluruhannya ialah 314 km persegi. Daerah ini mempunyai 29 buah mukim, 44 kawasan bandar dan 95 buah perkampungan dipersekitarannya

Penduduk di daerah ini tertumpu di kawasan pusat bandar utama kerana berperanan sebagai ibu negeri, pusat perniagaan dan perdagangan serta aktiviti perindustrian. Oleh itu, peluang pekerjaan dimonopoli oleh penduduk di daerah ini. Daerah ini juga terletaknya banyak bandar-bandar bersejarah yang menjadi tumpuan para pengunjung setiap kali datang ke negeri Melaka. Maka tidak hairanlah mengapa daerah ini mempunyai kepadatan penduduk kerana negeri ini mempunyai sejarah yang terpenting pada masa lampau.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Kaedah kajian yang digunakan bagi mengumpul data dalam penyelidikan ini ialah kaedah kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Dalam kajian ini data utama adalah rekaan mahkota atap masjid warisan yang telah didokumenkan semasa kajian lapangan di daerah Melaka Tengah. Berikut merupakan kaedah dan langkah yang digunakan dalam penyelidikan ini:



Rajah 1. Carta aliran menunjukkan kaedah dan langkah penyelidikan tentang rekaan mahkota atap masjid di daerah Melaka Tengah.


Selain itu, penyelidik juga membuat kajian kepustakaan yang terdiri daripada jurnal, tesis akademik, buku, artikel penyelidikan dan terbitan-terbitan rasmi yang berkaitan dengan seni bina masjid.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Mahkota Atap merupakan sebahagian daripada elemen seni bina masjid tradisional yang semakin dipinggirkan kewujudannya di Alam Melayu. Mahkota atap ialah perhiasan yang paling cantik yang diletakan di atas puncak bumbung masjid. Selain dikenali sebagai mahkota, ia juga turut dikenali sebagai kepala som, mustoka dan hiasan puncak. Mahkota ini boleh didapati di masjid Nusantara, China dan Di Melaka. Mahkota ini dikatakan berasal daripada wilayah Canton, Fukien dan China. Setelah masyarakat cina berhijrah ke Melaka, mahkota ini telah diperkenalkan sebagai

salah satu komponen dan ciri penting dalam binaan masjid dan telah dianggap sebagai satu identiti masjid di Melaka.

Menurut Abdullah & Syaimak (2014), pembuatan mahkota atap daripada seramik menampakkan lagi kemewahan mahkota itu kerana seramik merupakan barang yang sangat berharga dan mempunyai daya tarikan yang tersendiri dan istimewa. Menurut Ros Mahwati et al (2018), terdapat beberapa ciri utama tentang mahkota iaitu terletak dibahagian paling atas bumbung masjid, berbentuk piramid, mempunyai tapak atas berbentuk segi empat, bertingkat dan mempunyai hiasan di setiap sudut. Menurut beliau lagi, ciri-ciri ini penting bagi memastikan setiap rekaan mempunyai kestabilan yang kukuh bersambungan dengan bahagian bumbung. Dalam kata lainnya, mahkota atap ini berfungsi sebagai pengunci kemuncak atap. Justeru dalam kajian ini pengkaji menjelaskan analisis tipologi bentuk dan ragam hias bagi setiap rekaan mahkota atap masjid tradisional di daerah Melaka Tengah mengikut anatominya bermula daripada tapak, badan, kepala dan hiasan puncak.



Gambar 1. Anatomi mahkota atap masjid

VARIASI BENTUK STRUKTUR MAHKOTA ATAP MASJID TRADISIONAL

Mahkota atap ini merupakan satu elemen yang penting dalam rekaan masjid tradisional di Melaka kerana ia mempunyai gaya hiasan yang sangat unik dan tidak dapat dilihat di tempat lain selain di Melaka. Kebijaksanaan para pertukangan pada masa dahulu telah menghasilkan satu elemen seni warisan sangat unik dan cantik yang perlu dihargai oleh masyarakat Islam. Oleh disebabkan kewujudannya semakin hari semakin berkurangan, masyarakat Islam tempatan perlu mengambil inisiatif dalam memeliharanya sebagai warisan budaya yang perlu diwarisi agar ia tidak terus hilang dek di telan zaman. Berikut merupakan variasi bentuk struktur mahkota atap masjid yang telah dikodkan yang boleh dilihat pada rajah 2.




Rajah 2. Variasi bentuk mahkota atap masjid mengikut jenis di Melaka Tengah

TIPOLOGI BENTUK MAHKOTA ATAP MASJID

Berikut merupakan beberapa mahkota atap masjid di Melaka Tengah yang mempunyai tipologi yang berbeza beserta klasifikasinya.

1. Mahkota Atap Masjid Klebang Besar




Gambar 2. Tipologi bagi rekaan Mahkota Atap Masjid Klebang Besar

Ciri bagi jenis MAM D pula menunjukkan rekaan mahkota yang mempunyai empat tingkat dan setiap tingkat mempunyai bentuk yang menarik. Ciri pertama bagi mahkota ini ialah bermula

daripada tapak yang besar berbentuk empat persegi dan mempunyai hiasan di setiap permukaan. Di bahagian badan dan kepala pula mempunyai reka bentuk yang sama iaitu berbentuk cembung dan berongga di tengah serta mempunyai hiasan pada penjuru sudut. Setiap bentuk pada tingkat mempunyai saiz yang berbeza bermula dari tapak saiz yang besar kepada saiz yang lebih kecil. Di bahagian atas puncak terdapat bentuk tiga segi yang mempunyai potongan tajam di kiri dan kanan. Di atas berbentuk bulat separuh yang lebih kecil dan garisan panjang di atasnya.


2. Mahkota Atap Masjid Pengkalan Rama



Gambar 3. Tipologi bagi rekaan Mahkota Atap Masjid Pengkalan Rama

Masjid Pengkalan Rama memiliki mahkota atap yang sangat cantik dan unik. Antara ciri khas jenis MAM A adalah mempunyai rekabentuk yang mempunyai hiasan bertingkat sebanyak enam tingkat. Mahkota ini mempunyai tapak berbentuk segi empat sama dan mempunyai tapak yang besar dan semakin meruncing dibahagian atas puncak. Mahkota ini juga mempunyai rekabentuk yang padat dengan bentuk dan ragam hiasnya. Di badan bahagian bawah terdapat tulisan kaligrafi jawi dan mempunyai hiasan bersudut disetiap penjuru. Manakala di badan bahagian atas pula mempunyai bentuk berongga di tengah-tengah dan mempunyai hiasan di bahagian kepala. Terdapat bentuk seperti labu di bahagian hiasan puncak.

3. Mahkota Atap Masjid Al Faizin



Gambar 4. Tipologi bagi rekaan Mahkota Atap Masjid Al Faizin

Bagi Jenis MAM E pula mempunyai rekaan sebanyak lima tingkat dan disetiap tingkat mempunyai bentuk empat persegi. Di bahagian dasar sehingga bahagian kepala mempunyai lapisan yang hampir sama iaitu bentuk segi empat yang mempunyai bentuk ukiran bermotifkan flora. Di bahagian kepala pula mempunyai hiasan kelihatan seperti buah buton dan di bahagian puncak terdapat satu kepingan zink yang nipis.

Jadual 2. Pembahagian tipologi pada rekaan mahkota atap masjid di Melaka Tengah.

Bil	Nama Masjid	Klasifikasi tipologi (Tingkat)							
		1	2	3	4	5	6	7	8
1.	Masjid Pengkalan Rama					/			
2.	Masjid Bukit China						/		
3.	Masjid Pokok Asam						/		
4.	Masjid Klebang Besar						/		
5.	Masjid Al Faizin								/
6.	Masjid Kg Kling					/	/		
7.	Masjid Peringgit					/			
8.	Masjid Paya Rumput							/	
9.	Masjid Tengkera			/					
10.	Masjid Kg Hulu						/		
11.	Masjid Tanjung Kling							/	
12.	Masjid Tangga Batu Kecil				/				

13.	Masjid Teluk Mas						/	
14.	Masjid Alai				/			
15.	Masjid Duyong						/	
16.	Masjid Semabok						/	
	Jumlah	0	0	1	2	4	5	4
								1

Berdasarkan jadual di atas, menunjukkan analisis tipologi mengikut klasifikasi bagi setiap rekaan mahkota atap masjid warisan di Melaka Tengah. Berdasarkan penemuan rekaan mahkota atap masjid ini mendapat beberapa rekaan mahkota yang terdiri daripada beberapa lapisan antaranya bermula dengan empat lapisan sehingga kepada lapan lapisan atau tingkat. Jika dilihat pada jadual, penggunaan mahkota atap yang banyak tingkat adalah yang mempunyai enam lapisan atau tingkat. Seterusnya diikuti oleh empat tingkat dan tujuh tingkat dan paling sedikit adalah tiga tingkat dan lapan tingkat.

Hal ini menunjukkan bahawa rekaan mahkota atap yang beragam hias ini terhasil daripada kepakaran tukang ukir yang sangat mahir pada masa dahulu. Ukiran yang dihasilkan telah menyerikan lagi bangunan masjid yang memperlihatkan ciri keindahan dan estetika yang tinggi pada mahkota atap masjid. Tukang ukir telah berjaya menghasilkan satu rekaan yang mengagumkan dengan adanya gabungan unsur daripada kesenian luar dan tempatan bagi menghasilkan sebuah rekaan mahkota atap masjid. Hal ini menunjukkan masyarakat Islam tempatan pada masa dahulu cakna tentang kesesuaian ornamentasi yang digunakan tanpa memasukan unsur figura yang semestinya dilarang sama sekali dalam Islam.

ANALISIS RAGAM HIAS MAHKOTA ATAP MASJID TRADISIONAL DI MELAKA TENGAH

Dalam bahagian ini, mahkota atap masjid di analisis dari segi ragam hias dan motif yang terdapat pada mahkota atap masjid tersebut. Melalui kajian yang dibuat mendapat terdapat beberapa motif yang mempunyai unsur daripada flora, fauna, geometri, kosmos dan kaligrafi yang ada di Alam Melayu yang boleh dilihat pada mahkota atap masjid di daerah Melaka Tengah. Berikut merupakan jenis-jenis motif yang terdapat pada mahkota atap masjid.

1) Motif flora

i. Teratai

Motif teratai sangat sinonim di Alam Melayu sebagai hiasan-hiasan khususnya di masjid yang mempunyai makna dan perlambangan yang tertentu. Terdapat dua variasi teratai iaitu Nelumbo Nucifera (VT1) dan Nymphaea Caerulea (Egyptian Lotus) (VT2) yang boleh dijumpai dalam mahkota atap masjid ini.

a) Mahkota Atap Masjid Keling



Gambar 5. Mahkota Atap Masjid Kampung Keling

Mahkota atap ini mempunyai lima tingkat ketinggian bermula daripada tapak sehingga bahagian atas puncak. Mahkota ini mempunyai dua gaya motif daripada teratai. Berikut merupakan pembahagian motif di setiap bahagian.



Gambar 6. Hiasan bunga teratai di tingkat kedua


Di bahagian badan iaitu di tingkat kedua mahkota atap ini terdapat hiasan kelopak bunga teratai *Nymphaea Caerulea* (VT2) yang mempunyai kelopak panjang dan tirus di hujungnya yang berlapis sebanyak dua belas kelopak bunga kecil. Begitu juga di bahagian sudut lainnya mempunyai hiasan bunga teratai yang hampir sama jumlah kelopaknya yang berlapis.



Gambar 7. Hiasan teratai berukiran timbul

Manakala di bahagian tengah antara tingkat kedua dan tingkat ketiga terdapat bentuk bunga teratai di setiap empat permukaan pada mahkota. Bunga teratai versi Nelumbo Nucifera (VT1) ini di ukir secara timbul dan jelas bagi menampakan setiap kelopak kecil bunga teratai. Manakala terdapat juga empat kelopak bunga teratai (VT2) yang besar tapi tirus dihujungnya yang melapisi bunga teratai yang diukir.

b) Mahkota atap Masjid Pokok Asam



Gambar 8. Mahkota atap Masjid Pokok Asam

Mahkota ini mempunyai lima tingkat yang sangat cantik dan unik. Di bahagian tapak terdapat empat kelopak besar bunga teratai (VT2) di hujungnya berbentuk tirus yang menghiasi setiap sudut mahkota ini. Begitu juga di bahagian atas tapak iaitu pada tingkat kedua terdapat tindihan bunga teratai di bawahnya.


c) Mahkota Atap Masjid Tengkera



Gambar 9. Hiasan kelopak bunga teratai

Di bahagian tapak terdapat kelopak bunga teratai yang bersaiz lebih besar (VT1) yang menghiasi di setiap sudut bahagian segi empat mahkota atap ini. Manakala, ditengah-tengahnya antara kelopak teratai yang besar kiri dan kanan terdapat hiasan bunga teratai yang di ukir secara menguncup.

d) Mahkota Atap Masjid Pengkalan Rama



Gambar 10. Motif buah biji teratai

Mahkota ini mempunyai motif hiasan daripada buah teratai yang telah di belah dua di bahagian atas puncak. Hiasan ini sangat cantik kerana lain daripada mahkota lain kerana mempunyai hiasan daripada biji buah teratai (Lotus Seed) yang diwarnai dengan warna emas.

ii. Sulur Bayur

Sulur merupakan sejenis tumbuhan yang menjalar atau melingkar ke atas seperti bentuk huruf ‘s’ dan diujungnya berputik. Sulur sering digunakan dalam hiasan-hiasan seperti di masjid.

e) Mahkota Atap Klebang besar & Mahkota Atap Masjid Alai




Gambar 11. Hiasan bermotifkan sulur

Mahkota ini mempunyai rekaan sebanyak empat tingkat dan mempunyai hiasan sulur bayur di setiap sudut bermula daripada tingkat kedua. Jika dilihat bentuk sulur bayur ini seakan berbentuk seperti kepala ayam yang sedang berkокok di waktu pagi. Sulur ini dikatakan banyak terdapat di bangunan tradisional di negeri China. Namun hiasan ini telah di ‘stylize’ menjadi sulur bayur.

2) Motif fauna

f) Mahkota Atap Masjid Peringgit



Gambar 12. .Mahkota Atap Masjid Peringgit

Mahkota ini merupakan mahkota yang sangat cantik kerana mempunyai campuran motif flora dan motif fauna pada rekaan mahkota ini. Terdapat motif fauna seperti bentuk sotong berkaki lapan di bahagian petak besar ditengah di setiap sudut. Berdasarkan penciptaan motif ini dapat dilihat bahawa masyarakat di sekitar kawasan tersebut mempunyai fungsi tersendiri, permuafakatan dan saling kerjasama dan saling membantu antara satu sama lain. Walau

bagaimanapun motif ini telah di ‘stylize’ dan mengikut kesesuaian supaya motif ini tidak kelihatan seperti bentuk asal.

3) Motif Geometri

g) Mahkota atap Masjid Paya Rumput



Gambar 13. Motif geometri pada mahkota

Masjid ini mempunyai keistimewaan dan keunikan kerana menggunakan motif geometri dalam rekaan jubin.



Gambar 11. Motif geometri pada rekaan jubin

Mahkota ini mempunyai motif geometri pada rekaan jubin yang mempunyai corak Islamik yang sering dikaitkan dengan corak pengulangan empat segi. Hasil pengulangan corak dan bentuk tersebut mewujudkan kesan tindihan dan jalinan yang menjadikan corak ini lebih kompleks dan nampak rumit.



Gambar 14. Motif ‘foliate’ pada jubin

Di bahagian tapak terdapat hiasan bermotifkan seperti ‘foliate’ iaitu motif daripada tumbuhan dan seolah-olah pokok yang melilit pada pagar. Terdapat juga bentuk bulat-bulat warna biru pada jubin dengan teknik pengulangan.

4) Motif Kosmos

i. Bulan dan Bintang



a) Mahkota atap Masjid Tanjung Kling



b) Mahkota Atap Masjid Tengkera




c) Mahkota Atap Masjid Duyong

Gambar 15. Motif bulan bintang pada mahkota

Gambar di atas menunjukkan sumber kosmos yang dihasilkan dalam rekaan mahkota atap a) Masjid Tanjung Kling iaitu terdiri daripada bulan dan bintang pecah lima yang keadaannya secara berdekatan dan terletak pada setiap ruang pada bahagian tapak. Manakala b) Masjid Tengkera pula mempunyai simbol bulan dan bintang di bahagian atas puncak dan diikuti juga c) Masjid Duyong yang mempunyai bentuk bulan sahaja di bahagian atas puncak. Jika dilihat secara am, bentuk bagi mahkota masjid Duyong memperlihatkan bentuk seperti struktur binaan yang berkubah. Jika dilihat pada masjid b) dan c) bahan pembuatan bentuk bulan dan bintang terdiri daripada bahan yang sama iaitu bahan daripada logam.

5) Motif Kaligrafi



Gambar 16. Mahkota Atap Masjid Pengkalan Rama

Mahkota masjid ini mempunyai hiasan bermotifkan kaligrafi berwarna emas yang sangat cantik dan unik. Di bahagian badan terdapat motif kaligrafi Cina pada setiap ruang pada tingkat kedua antaranya ialah kalimah ‘Lailahaillaallah’, ‘Muhammad’, dan ‘Rasullullah’. Terdapat juga nama-nama khalifah seperti Abu Bakar r.a, Uthman r.a, dan Omar r.a. Penggunaan motif kaligrafi ini menampakkan keindahan Islam pada rekaannya. Susunan setiap huruf yang dihasilkan sangat teratur, teliti, kemas dan seimbang.


Jadual 1. Pembahagian ragam hias dan motif yang digunakan pada mahkota atap masjid di Melaka Tengah.

Bil	Nama Masjid	Jenis Motif				
		Flora	Fauna	Kosmos	Kaligrafi	Geometri
1.	Masjid Pengkalan Rama	13	0	0	6	0
2.	Masjid Bukit China	8	0	0	0	0
3.	Masjid Pokok Asam	15	0	0	0	0
4.	Masjid Klebang Besar	24	0	0	0	0
5.	Masjid Al Faizin	16	0	0	0	0
6.	Masjid Kg Kling	16	0	0	0	0
7.	Masjid Peringgit	24	4	0	0	0

8.	Masjid Paya Rumput	12	0	0	0	27
9.	Masjid Tengkera	13	0	2	0	0
10.	Masjid Kg Hulu	4	0	0	0	0
11.	Masjid Tanjung Kling	8	0	8	0	0
12.	Masjid Tangga Batu Kecil	11	0	0	0	0
13.	Masjid Teluk Mas	14	0	0	0	0
14.	Masjid Alai	20	0	0	0	0
15.	Masjid Duyong	34	0	1	0	0
16.	Masjid Semabok	9	0	0	0	0
	Jumlah	220	4	11	6	27

Peratusan penggunaan motif hiasan pada rekaan mahkota atap masjid

Dalam kajian ini motif hiasan bagi rekaan mahkota atap masjid terbahagi kepada lima kumpulan utama iaitu motif flora, fauna, kosmos, kaligrafi dan geometri yang ada di Alam Melayu. Berikut merupakan peratusan bagi motif-motif hiasan yang terdapat pada rekaan mahkota atap masjid.



Rajah 3. Peratusan motif dalam hiasan rekaan mahkota atap masjid

Berdasarkan carta pai di atas, penggunaan motif flora adalah yang paling utama yang digunakan dalam hiasan rekaan mahkota atap masjid di daerah Melaka Tengah yang mana ia mewakili 88% yang telah direkodkan. Kemudian diikuti motif kosmos dan kaligrafi yang masing-masing mewakili 4%. Manakala, bagi motif fauna dan geometri masing-masing mendapat jumlah peratusan yang paling sedikit iaitu sebanyak 2%. Hal ini menunjukkan penggunaan motif flora banyak digunakan dalam hiasan seni bina khususnya masjid. Penggunaan motif yang sedia ada juga telah diolah dengan baik bagi menampakkan kesesuaian dalam reka bentuk mahkota atap

masjid khususnya sebagai seni bina Islam yang menampilkan keunikannya. Hal ini menunjukkan masyarakat Islam tempatan pada masa dahulu cakna tentang kesesuaian ornamentasi yang digunakan tanpa memasukan unsur figura yang semestinya dilarang sama sekali dalam Islam.

KESIMPULAN

Secara tuntasnya, dapat disimpulkan bahawa setiap rekaan mahkota atap masjid di daerah Melaka Tengah mempunyai tipologi yang berbeza dari segi rekaan bertingkat sehingga kepada ragam hias setiap mahkota atap masjid ini. Analisis yang dibuat terhadap rekaan makota atap masjid tradisional memperlihatkan kepelbagai dan kekayaan warisan budaya kesenian Islam khususnya di Melaka. Penggunaan motif-motif hiasan daripada Cina dalam rekaan mahkota atap masjid jelas membuktikan bahawa masyarakat cina pada masa dahulu memainkan peranan penting dalam pembinaan masjid di Melaka. Terdapat beberapa motif yang digunakan dalam rekaan mahkota atap masjid di Melaka tengah antaranya motif flora, motif fauna, geometri, kosmos dan kaligrafi yang mana ia memberi makna dan falsafah tertentu dalam motif yang ditampilkan. Setiap daripada rekaan mahkota atap masjid ini mempunyai keunikan dan gayanya yang tersendiri. Walau bagaimanapun, tindakan sewajarnya perlu diambil bagi melindungi khazanah warisan bagi negeri Melaka khususnya untuk rekaan mahkota atap masjid yang sememangnya telah menerapkan unsur kesenian Islam tanpa menggunakan unsur figura dalam rekaan mahkota atap masjid. Justeru, pemetaan warisan yang dijalankan penyelidik sedikit sebanyak mampu mendokumenkan seberapa banyak masjid yang masih mengekalkan penggunaan mahkota atap masjid di Melaka. Walaubagaimanapun, ragam hias yang terdapat di daerah Melaka Tengah adalah yang paling menonjol dan menarik berbanding di daerah lain yang mempunyai mahkota atap masjid yang lebih sederhana. Diharapkan agar seni warisan tidak ketara ini akan terus dipulihara agar tidak terus diancam kepupusan dan dipelihara sebagai seni warisan tempatan.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dibawah Geran Universiti Penyelidikan GUP-2018-02 Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. (1979). *Masjid-masjid di Nusantara*. Bangi: UKM
- Abdullah Yusof dan Syaimak Ismail (2014). *Sumbangan Pertukangan Cina Terhadap Reka Bentuk Masjid: Kajian Terhadap Komponen Luar Masjid Di Melaka Pada Abad Ke-18*. Jurnal al-Tamaddun Bil 9 (1) 2014, 57-66
- Boyd. A. (1962). *Chinese Architecture and Town Planning*, London: University of Chicago Press, p. 35
- Ezrin Arbi. 1971. Pengaruh Seni Bina Asing di Malaysia. Kongres Kebudayaan Kebngsaan: Kuala Lumpur
- Graaf. H.J. de. (1998). cetakan kedua 2004, *Cina Muslim di Jawa Abad XV dan XVI antara Historisitas dan Mitos, terjemahan dari Chinese Muslims in Java in the 15th and 16th centuries: The Malay Annals of Semarang and Cirebon*. PT Tiara Wacana, Yogyakarta
- Handinoto dan Samuel Hartono. (2007). *Pengaruh Pertukangan Cina Pada Bangunan*

- Mesjid Kuno di Jawa Abad 15-16 dlm Dimensi Teknik Arsitektur.* Vol 35. 35, No.
- Jayaudin Jamaudin & Rauziatul Adibah Adnan. 1991. *Sejarah Islam: India, Nusantara dan China.* Penerbitan Elman, Kuala Lumpur. Kamus Dewan Edisi Keempat. 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1169.
- Lim Lee Hock dan Ismail Said. (2001). *Ikonografi Motif pada Komponen Ukiran Kayu di dalam Tokong Cina.* Skudai: UTM.
- Lombard Denys. (1996). *Nusa Jawa: Silang Budaya.* PT. Gramedia Pustaka Utama, Jakarta, Jilid 2, Jaringan Asia.
- Mastor Surat. (2008). *Pembangunan Tipologi Masjid Tradisional Melayu.* Tesis Sarjana, Bangi UKM
- Mastor Surat. 2004. Konsep Hiasan dan Perlembangan, Seni bina Melayu Tradisi dan Etnik Nusantara. Slaid Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mastor Surat. 2017. Reka Bentuk masjid Warisan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka; Kuala Lumpur
- Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah. (2019). Dilihat pada Disember 20, 2019 daripada laman web <https://www.pdtmt.gov.my/1/page.php?id=24>
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Siti Nor Azhani Mohd Tohar & Rabiah Abdul Rahman. (2018). *Warisan Ketara Seni Islam Tempatan: Mahkota atap masjid tradisional Melaka.* Asian Journal of Environment, History and Heritage 2(1): 185-196.
- Syaimak Ismail & Mohd Sufiean Hassan. 2017. Chinese Décor and Coraks In the Interior Decoration: A Study on The Mosque In Malacca In The Early 18th Century. Journal of Ilmi 7. P35-50